

03 APR 2000

Singapura-Malaysia/I

RAKYAT M'SIA DAN SINGAPURA MESTI TERIMA PANDANGAN SATU SAMA LAIN

SINGAPURA, 3 April (Bernama) -- Seorang menteri Singapura berkata rakyat Malaysia dan Singapura mesti belajar menerima hakikat bahawa kedua-dua pihak mempunyai pandangan sendiri mengenai isu-isu tertentu dan mahu melahirkannya.

"Ia tidak dapat dielakkan. Kita perlu belajar bahawa orang lain mempunyai pandangan mereka sendiri dan kita perlu menerima hakikat bahawa mereka mahu melahirkan pandangan mereka itu - tidak kira di sebelah tambak mana mereka berada," Menteri Tak Berportfolio Lim Boon Heng dipetik sebagai berkata dalam akhbar Straits Times.

Lim juga berkata bahawa akhbar-akhbar Malaysia telah sejak sekian lama menyiarkan komen-komen yang negatif mengenai Singapura.

Beliau merupakan pegawai kerajaan pertama membuat kenyataan, setelah seminggu berdiam, berhubung satu ruangan pendapat dalam Straits Times yang telah memperkecilkan kepimpinan Malaysia yang menimbulkan kemarahan menteri Kabinet dan ahli politik Malaysia.

Beliau membuat kenyataan itu semalam sebagai jawapan kepada soalan daripada seorang pemimpin Melayu mengenai status hubungan dua hala Singapura-Malaysia akibat daripada penulisan itu.

"Pergeseran mengenai sesuatu perkara akan sentiasa berlaku. Sesetengah salah faham akan berlarutan lebih lama daripada yang lain tetapi perkara ini tidak sepatutnya menyebabkan kita saling menjauhkan diri," kata Lim.

Malaysia telah mengutuk artikel itu yang mengkritik Malaysia sebagai satu-satunya kerajaan demokrasi di Asia yang tidak mengalami perubahan kepimpinan sejak sedekad lepas serta mengenai dasar ekonomi Malaysia semasa krisis kewangan Asia baru-baru ini.

Ia juga tersinggung dengan gambaran yang diberikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai "top dog" negara.

Laporan Straits Times hari ini menyatakan bahawa penggunaan perkataan "top dog" itu membangkitkan kemarahan kerana "anjing" dianggap sesuatu yang dikutuk dalam Islam.

Lim berkata bahawa kerajaan Singapura sering dikritik kerana mempunyai kawalan terlalu ketat terhadap media.

"Jika kita longgarkan, kita boleh menjangkakan lebih ramai orang akan bercakap mengenai pelbagai perkara, termasuk hubungan dua hala. Saya melihat ini sebagai kehendak generasi muda," katanya.

-- BERNAMA

TCL RHM RON